

TARIKH: 17/6/23
SURAT KHABAR: Berita Harian
MUKA SURAT:

Dunia

Sabtu,
17 Jun 2023

bhdunia@bh.com.my

Ikuti lebih berita di www.bharian.com.my

Tiada perlindungan sosial punca eksploitasi buruh

Kajian ILO dapati pekerja domestik asing dipaksa bekerja lebih masa, upah rendah

Bangkok: Penafian hak pekerjaan dan perlindungan sosial kepada pekerja domestik asing menyumbang kepada penindasan dan buruh paksa di Thailand, Malaysia dan Singapura, menurut laporan baharu oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Laporan itu yang berdasarkan tinjauan yang dijalankan terhadap 1,201 pekerja domestik asing antara Julai dan September 2022 di Malaysia, Singapura, dan Thailand, menyatakan bahawa tempoh kerja yang panjang dan upah rendah adalah sesuatu yang lazim bagi pekerja domestik asing di semua negara yang ditinjau.

Ia terkandung dalam laporan berjudul 'Mahir untuk dipedulikan; dipaksa bekerja? Mengiktiraf profil kemahiran pekerja domestik asing ASEAN di tengah buruh paksa dan eksploitasi' (Skilled to care; forced to work? Recognizing the skills profiles of migrant domestic workers in ASEAN amid forced labour and exploitation).

Menurut laporan itu, terdapat 29 peratus pekerja domestik asing di Malaysia yang berada di bawah definisi statistik ILO mengenai buruh paksa, begitu juga dengan tujuh peratus pekerja yang ditinjau di Singapura dan empat peratus di Thailand.

Antara lain, pekerja yang tidak rela, termasuk mahu berhenti daripada pekerjaan mereka, terpaksa tinggal dalam pekerjaan lebih lama daripada yang sepatutnya dan dipaksa bekerja tanpa bayaran lebih masa.

"Di ketiga-tiga negara, secara purata pekerja domestik yang ditinjau bekerja tempoh waktu kerja melebihi tempoh yang ditetapkan bagi pekerja lain.

"Apabila disesuaikan dengan standard tempoh kerja antarabangsa, tidak ada responden dalam penelitian ini yang mendapat upah minimum," katanya.

Sementara itu, Penasihat Teknik Utama program ILO TRIANGLE in ASEAN, Anna Engblom, yang menghasilkan kajian itu menyatakan bahawa hal itu tidak dapat diterima lagi.

Laporan itu juga menunjukkan penyertaan terhadap pekerja domestik asing dalam skim jaminan sosial, satu keadaan yang akan meningkatkan lagi pemencilan pekerja dan kerentanan mereka terhadap amalan buruh paksa.

Laporan itu menyatakan bahawa beberapa negara turut membataskan peluang pekerja domestik untuk membentuk atau menyertai kesatuan sekerja atau melakukan perjanjian bersama.

Syor laksana Konvensyen ILO
Tinjauan itu mengesyorkan pihak berkenaan mengiktiraf dan melaksanakan Konvensyen ILO mengenai Pekerja Domestik, 2011

(No. 189), Konvensyen Buruh Paksa, 1929 (No. 29), dan Protokol 2014 untuk Konvensyen Buruh Paksa, 1930.

Ia bertujuan memastikan pekerja domestik menikmati hak yang setara dengan pekerja lain, mahupun secara undang-undang atau dalam praktik.

Laporan itu dihasilkan oleh ILO sebagai sebahagian daripada program TRIANGLE in ASEAN, yang dibiayai oleh Jabatan Urusan Luar Negeri dan Perdagangan Australia (DFAT) dan Global Affairs Canada (GAC).

Pada masa sama, Amerika Syarikat (AS) semalam turut mengecam peningkatan pemerdagangan manusia dan amalan buruh paksa, terutama membabitkan kanak-kanak dan remaja lelaki.

Perkara itu dinyatakan Setiausaha Negara AS, Antony Blinken, ketika membentangkan laporan mengenai 'trend membimbangkan' pemerdagangan manusia, terutama peningkatan mendadak akibat pandemik COVID-19.

"Peraturan kanak-kanak le-

laki menjadi mangsa pemerdagangan manusia meningkat lima kali ganda antara 2004 dan 2020, berdasarkan laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), lebih tinggi berbanding kanak-kanak perempuan, wanita atau lelaki.

"Sejak bertahun-tahun, wujud persepsi salah bahawa wanita paling ramai menjadi mangsa pemerdagangan manusia, akibatnya tidak banyak sokongan disediakan bagi mangsa lelaki, terutama kanak-kanak," katanya.

Dalam laporan tahun Jabatan Negara AS mengenai 188 negara itu menjelaskan bagaimana sindiket pemerdagangan manusia di Myanmar, Malaysia, Ghana dan Turkiye menipu orang ramai dengan tawaran kerja palsu dalam talian.

Washington juga menyenaraikan Afghanistan, China, Cuba, Eritrea, North Korea, Iran, Russia, Sudan Selatan, Syria dan Turkmenistan sebagai antara negara yang paling banyak terlibat dalam pemerdagangan manusia.

AGENSI

17/6/2023